

Tumpuan rawatan untuk penyakit kronik

Ada kalangan pesakit penyakit jantung dan kencing manis enggan pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan kerana bimbang dijangkiti COVID-19.

Pakar Perubatan Dalaman dan Nefrologi, Columbia Asia Hospital - Tebrau, Dr Tee Shin Kuan, berkata selain COVID-19, penyakit lain juga perlu mengambil perhatian dan memerlukan rawatan di hospital atau klinik berdekatan.

Bagaimanapun, beliau mencadangkan jika pesakit mengalami masalah kesihatan, selain simptom COVID-19, mereka boleh mengikut panduan seperti di bawah:

Untuk pesakit kronik

Penyakit kronik seperti kencing manis, sakit jantung dan sakit buah pinggang, mereka perlu bekalan ubat mencukupi. Jika perlu, hubungi doktor

untuk bertanya kesesuaian kemungkinan menangguhkan temu janji. Dapatkan bekalan ubat melalui pos ataupun pandu lalu.

Untuk pesakit hemodialisis

Ada antara pesakit itu perlu hadir tiga kali seminggu seperti biasa untuk menjalankan dialisis. Sekiranya ada tanda sakit atau demam, beritahu pusat dialisis. Jaga kesihatan

dan kebersihan. Pulang ke rumah terus selepas rawatan hemodialisis.

Untuk pesakit mengalami sakit ringan

Jika mendapat selesema

dan sakit kepala, cuba makan ubat dan rehat dengan mencukupi. Jika penyakit tidak reda, dapatkan rawatan di klinik atau hospital dikenali untuk mendapatkan nasihat.

Untuk penyakit yang tidak reda Walaupun dengan ubat dan rehat atau berada dalam keadaan yang serius seperti sakit dada, sesak nafas, kaki bengkak, sakit perut yang serius perlu ke hospital.

Sekiranya tidak tahu sama ada memerlukan rawatan di hospital atau tidak, mereka boleh menelefon doktor yang dikenali untuk mendapatkan nasihat.